

**PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI BANDAR KOTA BHARU
KELANTAN**

MOHD NOOR BIN HUSIAN

Projek Sarjana Muda ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

Mei, 2007

ABSTRAK

Tanah wakaf merupakan salah satu aset terpenting dalam perbendaharaan Islam yang diuruskan oleh institusi agama negeri-negeri di Malaysia khususnya Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Namun begitu, pengurusannya secara konvensional dan kurang mantap telah menimbulkan masalah dalam mengenalpasti potensi pembangunan tanah wakaf kerana timbul masalah halangan fizikal seperti faktor keluasan, kedudukan dan taburannya yang menyukarkan proses pembangunan ke atas tanah wakaf. Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji cuba mengenalpasti tanah-tanah wakaf yang berpotensi untuk pembangunan dengan memberi tumpuan kepada tanah-tanah wakaf yang terletak di dalam Bandar Kota Bharu yang melibatkan kajian ke atas corak gunatanah semasa dan melihat perbezaan nilai sewa dan nilai tanah wakaf. Analisis yang dibuat adalah perbezaan nilai sewa dan nilai tanah wakaf dengan hartanah biasa di sekitar lot berkenaan. Kaedah analisis yang digunakan adalah kaedah kualitatif dimana pengkaji menggunakan graf, jadual dan gambarajah bagi menjelaskan keadaan sebenar. Hasil akhir kajian ini dalam bentuk analisis dan cadangan dimana analisis yang dijalankan ke atas nilai sewa dan nilai tanah wakaf bagi mengetahui potensi pembangunan ke atas tanah wakaf manakala cadangan yang dikemukakan bagi memantapkan lagi sistem pengurusan dan pembangunan yang dilakukan oleh pihak Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) ke atas tanah wakaf dari aspek ekonomi, sosial, perancangan dan fizikal. Dengan adanya cadangan ini, ia sedikit sebanyak membantu pelbagai pihak terutama pihak MAIK dalam usaha merancang dan membangunkan tanah wakaf agar tidak ketinggalan dari arus pembangunan masa kini.

ABSTRACT

The wakaf land is one of the important assets in Islamic treasury which is managed by certain religious institute in Malaysian state, especially the Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Even then, the management is conventional lack of efficiency had because many problems in determining the potential in land development because recurring problems from factors such as area, location and distribution which made the development of wakaf land harder. The aim of the study is to identify wakaf land that has potential to be developed by focusing to the wakaf land located in the vicinity of Kota Bharu. The study also includes the pattern of current land usage, infrastructure utilities, surrounding development and land usage zoning and study the difference in rent value and the wakaf land value. The analysis made is based on this difference. The method used was quantitative method where the researcher used graph, tables and figures to explain the real situation. The last result in this study is in the form of analysis and recommendation where the study is conducted on factors influencing the land potential and the rent value and wakaf land value to identify the development potential of wakaf land and suggestion which will be proposed to solidify the management and development system by the MAIK on the wakaf land from economic, social, planning and physical aspects.